

21 JAN 1999

Hamid-Singapura

MALAYSIA TETAP MAHU ISU CIQ DISELESAIKAN SECARA PAKEJ

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Malaysia hari ini mengulangi pendiriannya yang semua isu berbangkit dengan Singapura, termasuk pertikaian terhadap pusat pemeriksaan imigresen Tanjong Pagar diselesaikan dalam satu pakej seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Syed Hamid Albar berkata, persoalan Malaysia mempertikaikan kedaulatan Singapura dan penetapan syarat-syarat terlebih dahulu terhadap isu itu tidak timbul.

"Pendirian kita jelas. Ia bukan persoalan Singapura memberikan tempoh sebulan atau tiga bulan (untuk mengemukakan hujah)," kata beliau kepada pemberita semasa ditemui di kediamannya di sini.

Syed Hamid berkata demikian merujuk kepada kenyataan rakan sejawatannya di Singapura semalam S.Jayakumar yang republik itu memberi tempoh sebulan kepada Malaysia selepas Ramadan berakhir "untuk mengemukakan hujah-hujah daripada segi undang-undang untuk terus mengendalikan kemudahan pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Stesen Keretapi Tanjong Pagar di negara itu.

Syed Hamid berkata, pendirian Kuala Lumpur mengenai isu itu selaras dengan persetujuan yang dicapai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya di Singapura, Goh Chok Tong semasa pertemuan di Sidang Kemuncak Asean Keenam di Hanoi, Vietnam, bulan lepas.

Kedua-dua pemimpin itu bersetuju yang semua isu dua hala, termasuk bekalan air ke republik itu akan diselesaikan dalam satu pakej.

Perbalahan terhadap kemudahan CIQ itu, muncul kembali apabila Jayakumar memberitahu Parlimen Singapura semalam yang Malaysia mesti mengiktiraf kedaulatan Singapura terhadap Tanjong Pagar sebelum kedua-dua negara boleh meneruskan rundingan untuk menyelesaikan isu-isu berbangkit dua hala.

Jayakumar berkata Singapura telah memaklumkan kepada Malaysia yang "jika Malaysia tidak mengemukakan hujah perundangan mereka dalam tempoh sebulan, kita akan menganggap mereka tidak lagi berminat untuk terus berada di Tanjong Pagar."

Jayakumar berkata, Singapura tidak boleh meneruskan rundingan untuk menyelesaikan pakej isu-isu berbangkit itu seperti yang dipersetujui oleh Perdana Menteri kedua-dua negara bulan lepas selagi kedaulatan Singapura dalam hal berhubung CIQ itu tidak diiktiraf.

Beliau berkata, pendirian Singapura ialah kemudahan CIQ Malaysia di Tanjong Pagar bukan berdasarkan kepada hak perundangan atau hak luar wilayah tetapi berdasarkan "pelepasan dan kebenaran kerajaan Singapura".

Kontroversi CIQ itu tercetus Ogos lepas apabila Singapura memindahkan kemudahan CIQ daripada Stesen Keretapi Tanjong Pagar ke Pusat Pemeriksaan Woodlands pada 1 Ogos.

Perkhidmatan keretapi ke republik itu diuruskan oleh KTM Berhad sejak 1920-an semasa penjajahan British.

Syed Hamid berkata Malaysia tidak pernah mempertikaikan kedaulatan Singapura.

"Hakikat bahawa kita berada di tempat itu (untuk mengendalikan CIQ di Tanjong Pagar), tidak bermakna kita mempunyai tuntutan terhadap harta itu (tanah). Kita tidak mempunyai sebarang tuntutan terhadap harta itu.

"Kita tidak kata Singapura tidak mempunyai kedaulatan. Ia tidak pernah menjadi isu," katanya.

Beliau berkata Malaysia telah mengendalikan kemudahan CIQnya di Tanjong Pagar menurut undang-undang Singapura. "Dalam kes ini, kerajaan Malaysia

telah beroperasi bukan sekarang, tetapi sejak zaman British," katanya.

Syed Hamid berkata beliau akan menjawab surat Jayakumar mengenai isu itu tetapi tidak menyatakan sama ada akan menemui Jayakumar.

Syed Hamid berkata seperti yang telah diputuskan oleh kedua-dua negara itu, pegawai-pegawai Malaysia dan Singapura akan membincangkan perkara itu selepas sambutan Hari Raya.

"Biarlah pegawai-pegawai duduk berbincang dan menyelesaikan semua isu itu," katanya.

Menteri itu juga berkata, perkara itu tidak perlu dirujuk ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) di Hague, Belanda, kerana ia bukan pertikaian mengenai tuntutan wilayah.

Jayakumar dipetik sebagai berkata pertikaian itu tidak boleh dibawa ke ICJ "kecuali jika kedua-dua kerajaan bersetuju".

Syed Hamid juga merujuk kepada kenyataan Goh yang semua isu dua hala perlu diselesaikan mengikut kaedah yang menguntungkan kedua-dua pihak.

"Inilah yang kita cuba tumpukan kepada," kata beliau.

"Saya mahu supaya difahamkan di sini, kita mahu bergerak daripada satu kedudukan konfrontasi antara dua negara ke kedudukan yang kita mahu cari penyelesaian," kata Syed Hamid lagi.

-- BERNAMA

ES KGO PR